

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG**

**DOKUMEN SEBUTHARGA**

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 20 EKOR KAMBING TENUSU PEJANTAN UNTUK  
TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG

**NO. SEBUTHARGA :**  
JPVPP03/07-03/2017

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG  
JALAN BUKIT TENGAH  
14000 BUKIT MERTAJAM  
PULAU PINANG**

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG**

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG

### KENYATAAN SEBUTHARGA

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan** yang dimiliki sepenuhnya oleh rakyat Malaysia dan masih dibenarkan untuk menyertai sebutharga seperti berikut : -

| PERKARA                                                                                                                                            |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 20 EKOR KAMBING TENUSU PEJANTAN UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG</b> |
| Tarikh Tutup: 29 Mac 2017 jam 12.00 tengahari                                                                                                      |

2. Pembekal yang ingin menyertai sebutharga ini hendaklah berdaftar dengan :
  - i. Suruhanjaya Syarikat Malaysia
  - ii. Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang **070202**
  - iii. Berdaftar di bawah *e-Perolehan* Kerajaan Negeri Pulau Pinang
3. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi dari laman web *e-Perolehan* Kerajaan Negeri Pulau Pinang
4. Hanya pembekal yang berdaftar dengan *e-Perolehan* Kerajaan Negeri Pulau Pinang Sahaja yang layak menyertai sebutharga. Dokumen Sebutharga boleh diperolehi secara "on-line" melalui laman web **[ep.penang.gov.my](http://ep.penang.gov.my)**
5. Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Kementerian Kewangan Malaysia hendaklah disertakan bersama.
6. Semua maklumat yang dikehendaki dalam Sebutharga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas oleh syarikat dan jabatan berhak menolak mana-mana sebutharga yang tidak mengemukakan maklumat yang diperlukan. Jabatan tidak bertanggungjawab jika maklumat yang dinyatakan tidak jelas/tidak boleh dibaca yang mana menyebabkan pembekal gagal mendapat tawaran.
7. Semua tawaran sebutharga dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebutharga **JPVPP/03/07-03/2017** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam peti sebutharga di alamat :-

**IBU PEJABAT PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG  
JALAN BUKIT TENGAH  
14000 BUKIT MERTAJAM  
PULAU PINANG**

8. Tarikh tutup sebutharga pada 29 Mac 2017 jam 12.00 tengahari. Sebutharga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
9. Tempoh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki: **31 Oktober 2017**

## **PERTIMBANGAN**

- i. Jabatan tidak terikat untuk menerima sebutharga yang paling rendah harganya atau mana-mana sebutharga.
- ii. Semua Penyebutharga diminta membaca dan memahami dengan teliti syarat untuk memastikan harga yang ditawarkan adalah betul dengan sepenuhnya.

## **SYARAT-SYARAT AM SEBUTHARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh Penyebutharga:-

### **1] KEADAAN TERNAKAN**

Ternakan berkeadaan sihat dan bebas daripada tanda-tanda penyakit yang berjangkit.

### **2] HARGA**

Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.

### **3] SEBUTHARGA SEBAHAGIAN**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi semua bilangan ternakan atau sebahagian bilangan ternakan.

### **4] BARANG-BARANG SETARA**

Sebutharga boleh ditawarkan bagi ternakan-ternakan setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

### **5] PENYETUJUAN**

- i. Kerajaan tidak terikat untuk menyetujui terima Sebutharga yang terendah atau mana-mana Sebutharga; dan
- ii. Tiap-tiap satu butiran akan ditimbang sebagai suatu Sebutharga yang berasingan.

### **6] PEMERIKSAAN**

1. Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki ternakan-ternakan itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pemeriksaan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan; dan
2. Penyebutharga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

## **7] PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**

Penyebutharga dikehendaki memperakui bahawa **ternakan** yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

## **8] PENOLAKAN**

- i) Ternakan yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui Sebutharganya boleh ditolak;
- ii) Apabila diminta Penyebutharga hendaklah menyebabkan ternakan yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri; dan ia hendaklah membayar balik kepada Kerajaan segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai ternakan yang ditolak itu; dan
- ii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak Kerajaan untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.

## **9] PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana Sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan Ketua Setiausaha Perbendaharaan atau Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

## **10] TAFSIRAN**

Sebutharga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan Penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai Sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **11] INSURAN**

Tiada apa-apa insurans atas ternakan dalam perjalanan daripada negara pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam Sebutharga.

## **[ BARANG-BARANG EX-STOK ATAU KELUARAN MALAYSIA ]**

## **12] CUKAI**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

## **13] MATAWANG**

Sebutharga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

## **14] PENYERAHAN TERNAKAN**

- i) Ternakan hendaklah diserahkan selewat-lewatnya 31 Oktober 2017;

- ii) Penyebutharga hendaklah menghantar sekurang-kurangnya dua salinan surat penyerahan bersama-sama dengan tiap-tiap satu penyerahan ternakan dan satu salinannya akan diperakui terima dan dikembalikan kepada penyebutharga apabila ternakan itu diterima.

## **MAKLUMAT-MAKLUMAT MENGENAI LATARBELAKANG PENYEBUTHARGA**

1] NAMA SYARIKAT : \_\_\_\_\_

2] ALAMAT : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

3] NOMBOR TELEFON : \_\_\_\_\_

4] TARIKH DITUBUHKAN : \_\_\_\_\_

5] AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH :

1] \_\_\_\_\_

2] \_\_\_\_\_

3] \_\_\_\_\_

4] \_\_\_\_\_

6] NOMBOR PENDAFTARAN DENGAN :

A] KEMENTERIAN KEWANGAN \_\_\_\_\_

B] PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR \_\_\_\_\_

C] JENIS KELAS \_\_\_\_\_

7] PERKONGSIAN / PERSEORANGAN: \_\_\_\_\_

8] MODAL :

**Modal Berbayar**  
**(Paid Up Capital)**

**Modal Dibenarkan**  
**(Authorise Capital)**

Bumiputra \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

B/bumiputra \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

JUMLAH : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

9] LAIN-LAIN BUTIRAN ATAU

SURAT SOKONGAN : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

**10] PENGALAMAN SYARIKAT DALAM SEBUTHARGA YANG BERKAITAN :**

|    | <u>Masa</u>         |            |               |                |
|----|---------------------|------------|---------------|----------------|
|    | <u>Nama Tawaran</u> | <u>Dan</u> | <u>Kepada</u> | <u>Jabatan</u> |
| A] |                     |            |               |                |
| B] |                     |            |               |                |
| C] |                     |            |               |                |
| D] |                     |            |               |                |
| E] |                     |            |               |                |
| F] |                     |            |               |                |
| G] |                     |            |               |                |
| H] |                     |            |               |                |

**[ JIKA RUANG TIDAK MENCUKUPI SILA GUNAKAN LAMPIRAN LAIN ]**

**11] SALINAN SIJIL KELULUSAN PENDAFTARAN TARAF BUMIPUTRA  
HENDAKLAH DISERTAKAN SEMASA MENGHANTAR SEBUTHARGA**

**SYARAT-SYARAT LAIN**

- i) Pembekal yang disenarai pendekkan akan ditemuduga oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal Jabatan (jika perlu).

## JADUAL SPESIFIKASI TEKNIKAL TERNAKAN

| Bil. | Spesifikasi Teknikal Jabatan                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Spesifikasi Teknikal<br>Penyebutharga<br>(sila tandakan '√') |
|------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------|
| 1.   | <b>Baka:</b><br>Kambing tenusu pejantan baka Saanen ATAU Toggenburg ATAU British Alpine ATAU campuran ketiga-tiga baka di atas.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |                                                              |
| 2.   | <b>Bilangan yang Diperlukan:</b><br>20 ekor.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             |                                                              |
| 3.   | <b>Umur:</b><br>12 – 18 bulan atau mempunyai sekurang-kurangnya sepasang gigi kekal.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                              |
| 4.   | <b>Berat: (Semasa penerimaan di negeri Pulau Pinang)</b><br>Berat minimum: 45 – 60 kg.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   |                                                              |
| 5.   | <b>Punca bekalan</b><br>Australia ATAU New Zealand.<br><b>*Sila nyatakan negara pengimport</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           |                                                              |
| 6.   | <b>Gambaran am</b><br><br>a) Tidak cacat anggota dan penglihatan.<br>b) Mempunyai ciri-ciri fizikal bagi baka yang diperlukan.<br>c) Mempunyai testis yang bersaiz sama dan seimbang di dalam skrotum.<br><br>d) Mempunyai anatomi organ pembiakan ( <i>penis</i> dan <i>prepuce</i> ) yang sempurna dan tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda keradangan, pembengkakan dan ketumbuhan serta tidak tergantung sehingga ke tanah atau pangkal kaki.<br><br>e) Pergerakan yang aktif dan mempunyai kaki yang tegak serta ciri-ciri " <i>phenotypic appearance</i> " yang baik.<br><br>f) Ukurlilit testis minimum: 20 cm. |                                                              |
| 7.   | <b>Protokol Pembekalan:</b><br>Penyebutharga perlu mematuhi protokol import pembekalan ternakan dari luar negeri Pulau Pinang seperti yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (sila rujuk kepada <a href="http://www.dvs.gov.my">www.dvs.gov.my</a> ).                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        |                                                              |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |  |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
| 8.  | <p><b>Pengenalan Ternakan</b></p> <p>a) Ternakan mesti dipasangkan tag RFID dan tag <i>flag</i> yang telah ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.</p> <p>b) Kecederaan akibat kerja-kerja pemasangan RFID perlu dirawat terlebih dahulu dan perlu dipastikan sembuh sepenuhnya sebelum ternak diserahkan/dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.</p> <p>c) Keseluruhan kos kelengkapan dan kerja-kerja untuk memasang tanda pengenalan adalah ditanggung oleh pihak pembekal.</p> <p>d) Semua maklumat dan keterangan penuh pengenalan ternakan ini mestilah disediakan oleh pihak pembekal.</p> |  |
| 9.  | <p><b>Penghantaran Ternakan</b></p> <p><b>9.1 Pengangkutan</b></p> <p>a) Penyebutharga perlu menyediakan pengangkutan yang sesuai dan selamat bagi menjamin kesejahteraan ternakan semasa pengangkutan dari negara sumber ke ladang penerima.</p> <p>b) Pengangkutan telah dinyahkuman/disinfeksi.</p> <p><b>9.2 Penghantaran Ternakan</b></p> <p>a) Ternakan perlulah dihantar ke ladang yang dinyatakan di dalam Jadual Pembekalan.</p> <p>b) Pembekal adalah dikehendaki menghubungi pegawai yang dilantik di negeri penerima bagi tujuan penghantaran dan juga mengesahkan penerimaan ternakan.</p>                                        |  |
| 10. | <p><b>Penggantian Ternakan</b></p> <p>Pembekal adalah bertanggungjawab untuk menggantikan ternakan yang dibekalkan sekiranya didapati mati dalam tempoh dua (2) minggu selepas tiba di destinasi terakhir.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                 |  |
| 11. | <p><b>Kos Permit Import dan Eksport, Sijil Kesihatan dan Lain-Lain Sijil</b></p> <p>a) Pembekal adalah bertanggungjawab membiayai segala kos Permit Import/Eksport, Sijil Kesihatan negara pengekspor,</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |  |

|     |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |  |
|-----|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--|
|     | <p>Insurans dan bayaran lain yang berkaitan iaitu Permit Pemindahan Keluar dan Permit Pemindahan Masuk ke negeri-negeri terlibat.</p> <p>b) Semua kos keperluan pelalian, rawatan dan ujian seperti ditetapkan dalam protokol import hendaklah ditanggung oleh pembekal.</p>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          |  |
| 12. | <p><b>Insuran untuk Ternakan</b></p> <p>Pembekal yang berjaya diwajibkan mengambil polisi insuran untuk 110% nilai ternakan di atas nama Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang untuk melindungi ternakan ini semasa penghantaran dan risiko-risiko yang mungkin dihadapi termasuk kematian semasa penghantaran dan kematian sehingga empat belas (14) hari selepas sampai ke destinasi.</p>                                                                                                                                                                                                                                 |  |
| 13. | <p><b>Keperluan Kesihatan</b></p> <p>Pembekal perlu mematuhi keperluan kesihatan ternakan seperti yang dinyatakan di dalam protokol pengimportan ternakan atau Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia untuk tujuan pembiakbakaan serta disokong dengan dokumen pengesahan oleh Pihak Berkuasa Veterinar di negara pengeksport. Ternakan yang dibekalkan hendaklah berkeadaan sihat dari segi klinikal dan tidak berpenyakit berbahaya dan berjangkit semasa penghantaran (bebas penyakit <b><i>Brucellosis</i></b>, <b><i>Leptospirosis</i></b>, <b><i>Caseous Lymphadenitis (CLA)</i></b>, <b><i>Bluetongue</i></b> dan parasit). Segala kos ujian, suntikan pelalian dan rawatan terhadap kesihatan ternakan adalah ditanggung oleh pembekal.</p> |  |

## JADUAL BEKALAN

| Bil. | LOKASI PENGHANTARAN                                                                                            | Jumlah Ternakan (Ekor) | Cadangan Tarikh bekal |
|------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------|-----------------------|
| 1.   | Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang, Jalan Bukit Tengah, 14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang | 20                     |                       |
|      | <b>JUMLAH</b>                                                                                                  | 20                     |                       |

Saya sahkan yang tawaran seperti yang dinyatakan di dalam jadual ini adalah betul dan benar.

.....  
(Tandatangan Penyebutharga)

Nama Penyebutharga:.....

No. K/P:.....

Jawatan Rasmi:.....

Cop Syarikat:.....

.....  
(Tandatangan Saksi)

Nama Saksi: .....

No. K/P: .....

Jawatan Rasmi: .....

Tarikh:.....

## **BORANG SEBUTHARGA**

**No. Sebutharga : JPVPP03/07-03/2017**

Pengarah  
Jabatan Perkhidmatan Veterinar  
Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam  
Pulau Pinang

Puan,

Sebutharga Untuk :

**MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 20 EKOR KAMBING TENUSU PEJANTAN UNTUK TUJUAN PEMBIAKBAKAAN KEPADA JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI PULAU PINANG**

Saya / Kami dengan ini menawarkan kepada pembekal untuk perkhidmatan membekal dan menghantar 20 ekor kambing tenusu pejantan untuk tujuan pembiakbakaan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

2. Saya / Kami mengaku bahawa saya / kami telah membaca dan memahami syarat-syarat jabatan yang ditetapkan dan ingin mengemukakan sebutharga seperti berikut :-

| BIL                 | PERIHAL PEMBEKALAN                                                                                                                                                                                                                                              | JUMLAH (EKOR) | KADAR (RM/EKOR) | HARGA (RM/EKOR) |
|---------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|-----------------|-----------------|
| 1.                  | Membekal dan Menghantar 20 Ekor Kambing Tenusu Pejantan untuk Tujuan Pembiakbakaan Kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang<br><br><b>*SILA SERTAKAN SESALINAN SIJIL PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL PERAKUAN BUMIPUTERA</b> | 20            |                 |                 |
| <b>JUMLAH HARGA</b> |                                                                                                                                                                                                                                                                 |               |                 |                 |

Ringgit Malaysia

.....  
.....

3. Harga-harga yang disebut oleh saya / kami di atas, sesungguhnya ditawarkan setelah saya / kami memahami semua syarat yang ditetapkan.

4. Bersama ini disertakan:

- i. Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia
- ii. Salinan Sijil Kementerian Kewangan
- iii. Salinan Penyata Bank

Bertarikh pada ..... haribulan ..... 2017

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_  
(Dalam Huruf Besar)

Jawatan : \_\_\_\_\_

Nama Syarikat : \_\_\_\_\_

Alamat Syarikat : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

No. Faks : \_\_\_\_\_

No. Telefon Bimbit : \_\_\_\_\_

Cop Rasmi Syarikat :



**SURAT AKUAN PEMBIDA BERJAYA**  
**Bagi**

(.....)

Saya.....No.K.P.....yang  
memiliki ..... Nombor  
Pendaftaran..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya memiliki  
syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu  
dalam..... atau mana-mana individu lain, sebagai  
ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah  
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu  
dalam..... atau mana-mana individu lain sebagai ganjaran  
mendapatkan tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya sebagai pemilik syarikat bersetuju  
bahawa Kerajaan Negeri berhak mengambil tindakan-tindakan berikut :-

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas,  
atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* yang ditandatangani tanpa  
bayaran gantirugi sekiranya pembida yang berjaya didapati melaku,  
memberi atau menawarkan rasuah, dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana  
individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai ganjaran mendapatkan tender/sebut harga\*  
seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada  
pejabat **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)** atau balai polis yang berhampiran.

Yang benar,

.....

Nama :  
No. K.P :  
Cop Syarikat :

**Catitan : \* Potong mana-mana yang tidak berkenaan**